



**KENYATAAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**SEMPENA**

**HARI AIDS SEDUNIA 2022  
01 DISEMBER 2022**

1. Hari AIDS Sedunia disambut pada setiap 01 Disember di seluruh dunia dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai jangkitan HIV dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan serta rawatan ke arah mengakhiri AIDS menjelang tahun 2030. Di masa sama, ia menjadi platform untuk memperbaharui komitmen dan tekad dalam usaha menangani jangkitan HIV/AIDS.
2. Tahun ini Hari AIDS Sedunia disambut dengan tema “*Equalize : Kesaksamaan untuk kesihatan bagi mengakhiri AIDS*”. Jangkitan baru HIV/AIDS di Malaysia secara amnya telah mencatatkan penurunan sebanyak 70% dalam tempoh 20 tahun kebelakangan. Liputan rawatan ubat antiretroviral (ARV) kepada orang yang hidup dengan HIV (ODHA) telah dipertingkatkan kepada 66% pada tahun 2021 berbanding 28% pada tahun 2015. Kadar penurunan kes HIV dan peningkatan liputan rawatan ini bagaimana pun masih belum mencukupi untuk negara membendung AIDS sehingga ia tidak lagi menjadi isu kesihatan awam menjelang 2030. Ketidaksamaan atau “*inequalities*” masih menjadi penghalang kepada usaha ini.
3. Bagi memastikan kesaksamaan dicapai, ketersediaan, kualiti dan kesesuaian perkhidmatan rawatan, ujian dan pencegahan HIV mesti

dipertingkatkan agar semua orang mendapat perkhidmatan yang terbaik. Uji dan rawat (*test & treat*) HIV/AIDS akan terus diperkuuh dan dipertingkatkan dengan memperkenalkan saringan HIV kendiri untuk menarik lebih ramai kalangan populasi kunci dan pasangan menjalani saringan dan seterusnya rawatan. Perkhidmatan *differentiated HIV services for key populations (DHSKP)* Model KK 2.0 yang kini dilaksanakan di 31 buah klinik kesihatan dengan kerjasama pintar GO-NGO (Kerajaan-Bukan Kerajaan) akan diperluaskan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan khususnya kepada populasi kunci.

4. Konsep U=U (U equal to U) atau “*Undetectable = Untransmittable*” adalah pendekatan atau konsep penting dan terbukti berkesan dalam mengekang jangkitan HIV. ODHA yang mengambil ubat ARV mengikut jadual yang ditetapkan, boleh hidup seperti individu normal (tanpa HIV) kerana virus tidak lagi dikesan (*undetectable*) dan secara amnya tidak boleh menjangkiti individu lain (*Untransmittable*). Adalah menjadi sasaran KKM untuk terus meningkatkan rawatan ARV dalam kalangan ODHA. Bagi pasangan kepada ODHA, rawatan Rawatan *PrEP* (*Pre-Exposure Prophylaxis*) akan dimulakan di klinik kesihatan pada tahun 2023. Rawatan *PrEP* pada amnya berkemampuan untuk mengurangkan risiko mendapat jangkitan HIV melalui seks sebanyak kira-kira 99% apabila diambil mengikut preskripsi yang telah ditetapkan.
5. Isu stigma dan diskriminasi akan terus dikekang bagi memastikan perkhidmatan HIV/AIDS dengan lebih mesra dapat diberikan. Program Pengurangan Stigma dan Diskriminasi melalui Pendekatan Peningkatan Kualiti yang dijalankan di fasiliti Kesihatan telah berjaya mengurangkan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA dalam kalangan kakitangan kesihatan. Program ini telah diperluaskan kepada 55 buah di seluruh

negara pada tahun 2022 dan dijangka akan terus diperluaskan ke semua fasiliti kesihatan pada masa akan datang. Anggota KKM juga akan dilatih dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih baik tanpa stigma dan diskriminasi dengan menggunakan modul HOPE: Hentikan Stigma & Diskriminasi terhadap Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) & *Key Populations* (KPs).

6. Bersempena sambutan Hari AIDS Sedunia pada hari ini, KKM menyeru semua pihak – Kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan korporat, mereka yang hidup dengan HIV dan juga masyarakat dapat terus mengeratkan lagi jalinan kerjasama pintar yang telah terjalin sekian lama untuk terus bersama-sama berjuang dalam usaha menangani ketidaksamaan dalam HIV/AIDS.
7. ODHA dan populasi kunci digalakkan menjalani ujian dan mendapatkan rawatan serta mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam melindungi diri dan pasangan dari jangkitan. Masyarakat juga disarankan untuk mengambil kesempatan dengan pelbagai aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan di seluruh negara sepanjang sambutan Hari AIDS Sedunia 2022 ini, untuk memahami dan mendalami HIV/AIDS dan seterusnya bersama – sama mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan kesaksamaan dalam HIV/AIDS. Kerajaan akan terus menerajui kepimpinan dan memberikan komitmen penuh dalam agenda negara menangani HIV/AIDS dan merealisasikan kesaksamaan ke arah matlamat kita mengakhiri AIDS menjelang 2030.

Sekian, terima kasih

Kementerian Kesihatan Malaysia  
01 Disember 2022